

Kita mungkin beli pesawat Super Hornet

Daripada · KHALID MOHD

UM 14 MAY 2002

WASHINGTON 13 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia mungkin membeli pesawat pejuang peibagai fungsi Super Hornet FA-18E/F daripada Amerika Syarikat (AS) sekiranya tawaran pembelian itu memberi kelebihan termasuk dari segi sistem persenjataan tercanggih.

Menurut Perdana Menteri, Malaysia berharap tidak dikenakan batasan tertentu oleh AS dalam urusan pembelian itu bagi memastikan keupayaan maksimum pesawat tersebut.

“Kita mungkin beli pesawat itu jika tawarannya baik dan menepati apa kita inginkan,” kata beliau semasa ditemuramah oleh *Utusan Malaysia*.

● **AS desak rumus cara tamat sengketa — Muka 2**

Perdana Menteri kini dalam rangka lawatan empat hari ke AS dan kemuncak lawatan itu ialah pertemuan dengan Presiden George W. Bush, yang dijadualkan berlangsung kira-kira pukul 3.30 pagi (waktu Malaysia), Rabu ini.

Difahamkan, penjualan pesawat FA-18E/F yang ditawarkan kepada Malaysia adalah antara perkara yang dijangka turut dibincangkan

dalam lawatan itu termasuk pertemuan dengan Pemangku Setiausaha Negara AS, Richard Armitage dan Setiausaha Pertahanan, Donald Rumsfeld.

AS yang merupakan negara pelabur terbesar di Malaysia memandang serius kecenderungan Kuala Lumpur sejak awal dekad 1990an membeli kelengkapan dan persenjataan Rusia.

Malaysia memecah tradisi pembelian pesawat pejuang daripada blok Barat apabila membeli pesawat Rusia MiG-29N pada 1994.

Malaysia turut merancang beberapa pembelian utama daripada negara bekas Kesatuan Soviet itu

termasuk yang terbaru pesawat pejuang Su-30MK.

Antara kelebihan membeli pesawat pejuang Rusia selain tiada campur tangan politik dalam hal

ehwal dalam negara, ialah fleksibiliti mendapatkan sistem persenjataan termasuk peluru berpandu tercanggih.

■ **Lihat muka 4**

Kita mungkin beli pesawat Super Hornet

Fleksibiliti seperti itu setakat ini, tidak dinikmati jika membeli pesawat AS sebaliknya, ia bergantung kepada polisi Washington dalam menentukan negara mana yang diberi kelebihan.

Dalam konteks Asia Pasifik, negara rakan strategik AS seperti Australia, Taiwan dan Singapura merupakan negara senarai kategori teratas yang biasanya mendapat keistimewaan sedemikian.

Malaysia dikatakan kurang senang dengan amalan AS membeza-bezakan negara yang membeli kelengkapan pertahanan terutama pesawat pejuang. Antara batasan yang selalu dikenakan ialah sistem

persenjataan, sistem elektronik dan radar, yang elemen-elemen itu banyak menentukan keupayaan sebenar sesebuah pesawat pejuang.

Perdana Menteri menamhah, sebarang keputusan mengenai pembelian pesawat Super Hornet itu tidak akan dibuat semasa lawatan ini.

Dalam hubungan ini, beliau menarik perhatian bahawa Malaysia berminat memiliki kombinasi pesawat pejuang termoden dan tidak bergantung hanya kepada sesebuah negara bagi kepentingan strategik pertahanan.

Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) telah pun selesai melakukan pe-

nilaian terhadap kedua-dua jenis pesawat iaitu Su-30MK dan Super Hornet tetapi keputusan pembelian masih belum dibuat.

Selain MiG-29N, TUDM memiliki pesawat pejuang FA-18/D buatan AS dan Hawk buatan Britain. Sebanyak lapan pesawat FA-18D kini beroperasi dalam TUDM sejak April 1997.

As sangat berharap yang Malaysia akan membeli pesawat versi haru itu sama ada jenis FA-18E (satu tempat duduk) mahupun FA-18F (dua tempat duduk) yang pernah mengadakan pertunjukan di LIMA pada tahun 2001.

Jika Malaysia bersetuju membeli pesawat Super

Hornet, bermakna Malaysia akan menjadi negara pertama di luar Amerika Syarikat yang menggunakan pesawat tersebut.

Berbanding FA-18/D, versi FA-18E/F mampu membawa lebih banyak sistem persenjataan termasuk peluru berpandu jarak sederhana seperti AMRAAM.

Pesawat itu juga boleh terbang untuk tempoh lebih lama serta jarak lebih jauh, kemampuan kekal beroperasi (survivability) lebih tinggi, sistem avionik dan radar lebih canggih serta mempunyai kuasa pemusnah yang lebih hebat. — *Utusan*